

Zahid Puas Hati Pemilihan Tiga Sayap Umno Berjalan Lancar
Bernama
12 Oct, 2013

BAGAN DATOH, 12 Okt (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berpuas hati pemilihan tiga sayap parti hari ini berjalan lancar dan berharap keputusan pemilihan itu diterima dengan baik oleh anggota parti.

Beliau berkata pihak yang kalah diharap dapat menerima keputusan dengan hati terbuka dan mengiktiraf pihak yang menang manakala mereka yang menang dinasihat tidak 'menekan' pihak yang tewas.

"Inilah pertama kali kaedah baharu pemilihan diadakan, saya amat berpuas hati dengan proses pengundian yang berjalan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan lembu korban sempena Aidiladha di sini, Ahad.

Beliau turut menasihati pihak yang terlibat dalam pemilihan supaya tidak melakukan sebarang kekecohan sebaik keputusan diumumkan.

"Jika ada masalah kita mempunyai Jawatankuasa Pemilihan yang akan menyelesaikannya. Berilah kepercayaan sepenuhnya kepada mereka," katanya.

Pemilihan ketiga-tiga sayap itu melibatkan kira-kira 230,000 perwakilan iaitu 110,765 perwakilan Wanita, 70,000 Pemuda dan 50,000 Puteri.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985242>